

BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN

No. Daftar

No. Pembiayaan

BAHAGIAN A : BUTIR PEMBIAYAAN

Sukacita saya ingin memohon pembiayaan:

☐

PEMBIAYAAN PERIBADI

☐

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

☐

PEMBIAYAAN MUDAH TANPA FAEDAH

☐

PEMBIAYAAN LAIN: Sila nyatakan

Sila tandakan (☒) pada petak yang berkenaan

Jumlah yang dipohon

RM

Tempoh pembiayaan

Bulan

Dokumen yang perlu disertakan:

- Salinan Penyata Gaji terbaru dan salinan Kad Pengenalan **Pemohon** yang telah **disahkan**.
- Dokumen atau Lampiran Sokongan

B. BUTIRAN PEMOHON

Nama Penuh

No. K/P

No. Anggota

K

Umur

Tahun

Jantina

☐

Lelaki

☐

Perempuan

Tarikh Lahir

No. Gaji

Bangsa

Agama

Jawatan

Bahagian /
Negeri

Emel

Alamat Bertugas

No. Telefon Pejabat

Alamat Kediaman

No. Telefon Rumah

No. Telefon Bimbit

Nama Bank

No. Akaun Bank

C. PELANTIKAN WAKIL BAGI MENYEMPURNAKAN AKAD

Saya No. K/P : dengan ini akan menguruskan sendiri / melantik salah seorang dari staf Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA) sebagai wakil saya menyempurnakan Akad bagi pembiayaan ini.

.....
Tandatangan Pemohon

.....
Tarikh

.....
Nama Pemohon

.....
No. K/P Baru

D. PENGESAHAN PEMOHON

Saya No. K/P :
Dengan ini mengesahkan bahawa :-

1. Memberi kuasa kepada Koperasi untuk mendapatkan daripada mana-mana pihak sebarang maklumat yang pihak Koperasi perlukan.
2. Saya mengaku bahawa saya **BEBAS** dari sebarang tindakan tatatertib atau jenayah.
3. Saya adalah **TIDAK** ditahan kerja / digantung kerja / dalam proses dibuang kerja / mempunyai masalah hutang yang serius / muflis / mohon berhenti kerja.
4. Saya mengaku segala butir yang diberikan di dalam penyata ini adalah benar serta lengkap.
5. Saya juga bersetuju menerima keputusan pihak Koperasi untuk menolak permohonan ini tanpa memberi sebarang sebab atau alasan sekiranya didapati maklumat yang saya berikan tidak benar atau palsu.
6. Saya bersetuju untuk membayar balik pembiayaan dengan cara ansuran dipotong daripada gaji saya mengikut tempoh yang dipersetujui dengan kadar yang telah ditetapkan oleh pihak Koperasi.

.....
Tandatangan Pemohon

.....
Tarikh

.....
Nama Pemohon

.....
No. K/P Baru

E. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Diterima pada		No. Pembiayaan	
Jumlah yang dimohon		Tarikh proses	
Caruman bulanan		Tempoh ansuran	
Ansuran bermula		Ansuran berakhir	
Keputusan pembiayaan	*DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN / KIV <i>*Potong yang tidak berkenaan</i>		
Jumlah diluluskan			

Nota :

G. PENGESAHAN EXCO KREDIT

1. Tarikh :
(Pengerusi Exco Kredit)
Nama :
2. Tarikh :
(Exco Kredit)
Nama:
3. Tarikh :
(Exco Kredit)
Nama :

H. KEBENARAN MENOLAK PEMBAYARAN KOS PEMBIAYAAN

Tarikh :

(Nama dan Alamat Pemohon)

.....
.....
.....

Kepada:

KOPERASI SPRM BERHAD (KOSPERA)

Aras 7, Ibu Pejabat SPRM,
No. 2 Lebuhr Wawasan,
Presint 7, 62250 Wilayah Persekutuan
Putrajaya

Tuan,

KEBENARAN MENOLAK PEMBAYARAN KOS PEMBIAYAAN

Saya seperti nama dan alamat di atas merujuk kepada perkara tersebut di atas. Saya dengan ini mengizinkan Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad menolak pembayaran yang dinyatakan di bawah daripada jumlah pembiayaan peribadi yang diluluskan untuk perkara-perkara seperti berikut:

BIL.	PERKARA	PERATUS (%)	JUMLAH (RM)
1.	Caj Perkhidmatan		
2.	Tabung Perlindungan Pembiayaan		
3.	Duti Setem		
4.	Inter-Bank GIRO		
5.	Lain-lain urusan pentadbiran		
JUMLAH			

Sila keluarkan cek atau pindahan secara inter-Bank GIRO untuk baki pembiayaan kepada saya selepas ditolak kos yang ditetapkan.

Yang benar,

.....

Nama :

No. K/P :



KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

(No. Pendaftaran : W-6-1184)

Aras 7, Blok C, Ibu Pejabat SPRM, No. 2, Lebuhr Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya

Tel : 03-88911911

Emel : kospERA@sprm.gov.my

BORANG PENENTU PEMBIAYAAN ANGGOTA

Nama Pembiaya	
No. Kad Pengenalan	
No. Anggota	
No. Pembiayaan	

KOD KOPERASI W-6-1184

1. Kami **KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD** mengesahkan bahawa jumlah potongan dari gaji penama diatas tidak melebihi 60% daripada jumlah gaji tuan/puan setelah mengambil kira amoun potongan gaji bagi pembiayaan ini.

a)	Bulan Gaji	
b)	Jumlah Gaji (Gaji Pokok + Elaun Tetap)	
c)	Jumlah Potongan (Termasuk Potongan Pembiayaan Ini)	
d)	Peratus Jumlah Potongan	

2. Butir-butir pembiayaan yang diluluskan adalah seperti berikut :

Jumlah Pembiayaan	
Jumlah Keseluruhan Yang Perlu Dibayar Balik	
Tempoh Pembiayaan	
Bulan Mula Bayaran Balik	
Bulan Akhir Bayaran Balik	
Jumlah Potongan Sebulan (Pokok + Caj Perkhidmatan)	

3. Butir-butir penerimaan jumlah pembiayaan bersih adalah seperti berikut :

JUMLAH PEMBIAYAAN	
(-) Tolak	
Caj Perkhidmatan	
Duti Setem	
Tabung Perlindungan Pembiayaan	
JUMLAH PEMBIAYAAN BERSIH	

***SILA PASTIKAN BORANG INI DITANDATANGAN**

Tandatangan Pembiaya Nama: No. Kad Pengenalan: Tarikh: Tandatangan Saksi Nama: No. Kad Pengenalan: Tarikh:	Tandatangan Pengesah (Pengerusi/Setiausaha/Bendahari/Pengurus) Nama: No. Kad Pengenalan: Tarikh: Cop Koperasi:
--	--

4. **REKOD KOSPERA**

Nombor Perjanjian Pembiayaan :
Disediakan oleh :
Nama Pegawai :
Nombor ID Pekerja :
Tarikh :
Tandatangan :

5. **REKOD BAHAGIAN KEWANGAN KOSPERA**

Disediakan Oleh :
Nama Pegawai :
Nombor ID Pekerja :
Tarikh Bayaran :
Jumlah Bayaran :
No. Baucar Bayaran :
Tandatangan :

Perakuan Pelantikan Wakil Untuk Lafaz 'Aqd (Akad) Qard

Diisi oleh Ahli / Penerima Biaya :

Adalah dengan ini saya bersetuju melantik ALK / Pengurusan Koperasi ini bagi mewakili saya untuk melafazkan 'Aqd Qard terhadap pembiayaan saya.

Yang benar,

.....

Nama :
No. K/P :

Diisi oleh ALK / Pengurusan Koperasi :

Adalah dengan ini saya bersetuju menerima Perlantikan Wakil Lafaz 'Aqd Qard seperti yang tertera di atas.

Yang benar,

.....

Nama :
Jawatan :

'Aqd Qard (Ijab) - Oleh Wakil Koperasi

Dengan ini saya bagi pihak **Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad** bersetuju memberi pembiayaan kewangan (hutang) kepada Tuan / Puan jumlah RM_____ mengikut perjanjian yang telah dipersetujui bersama.

'Aqd Qard (Qabul) - Oleh Anggota / Pemohon

Saya bersetuju dan terima

dan

Saya juga bersetuju untuk membayar **RM** _____ sebagai fi perkhidmatan.

PERJANJIAN PEMBIAYAAN

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD

SATU PERJANJIAN PEMBIAYAAN (selepas ini disebut sebagai “Perjanjian ini”) dibuat pada tahun di antara **KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD (No. Koperasi: W-6-1184)**, sebuah koperasi yang berdaftar di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat berdaftar di **Aras 7, Blok C, Ibu Pejabat SPRM, No.2, Lebuhr Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya** (selepas ini disebut sebagai “Koperasi”) bagi satu pihak DAN pihak yang Nama dan Nombor Kad Pengenalan adalah seperti di **Surat Tawaran Pembiayaan Kredit (No. Rujukan Pembiayaan : SPRM.KOSPERA:600-1/1/.....)** yang dilampirkan (selepas ini di rujuk sebagai “Pelanggan”) bagi pihak yang lain.

BAHAWASANYA,

Atas permohonan Pelanggan, Koperasi bersetuju memberi Pembiayaan dan Pelanggan bersetuju menerima pembiayaan tersebut dan beraku janji untuk membayar kepada Koperasi secara bayaran tertangguh mengikut jumlah dan tempoh serta lain-lain syarat dan terma di dalam Perjanjian ini.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI bahawa: -

1. KONSEP

Kemudahan Pembiayaan ini adalah di bawah konsep **Pembiayaan Kredit (Qard)** di mana Koperasi akan memberi pembiayaan seperti **Jadual Pertama** kepada Pelanggan secara bayaran ansuran.

2. JADUAL BAYARAN ANSURAN

Bayaran Ansuran adalah seperti **Jadual Pertama**. Koperasi atas budi bicaranya mempertimbangkan pemberian rebat ke atas Bayaran Ansuran mengikut budi bicara Koperasi kepada pelanggan yang membuat penjelasan awal.

3. BAYARAN ANSURAN DAN GANTI RUGI LEWAT BAYAR

- Pelanggan bersetuju dan berakujanji akan membayar Bayaran Ansuran mengikut cara dan tempoh yang telah ditetapkan seperti melalui potongan Biro Perkhidmatan ANGKASA (selepas ini disebut “**BPA**”)
- Koperasi berhak mengenakan caj lewat bayar sebanyak 1% ke atas nilai bayaran ansuran bulanan yang belum diterima oleh Koperasi berpandukan kadar dan kaedah-kaedah yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (selepas ini disebut “**SKM**”) dari semasa ke semasa.

4. POTONGAN GAJI

- Selaras dengan **Klausula 3** di atas, Pelanggan bersetuju memberi kuasa kepada Jabatan atau Majikan untuk menguruskan Bayaran Ansuran melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada Koperasi.
- Kuasa yang diberi untuk memotong gaji tidak boleh ditarik balik dan hanya akan luput apabila jumlah Bayaran Balik dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian ini dilaksanakan sepenuhnya.

..... (t/tangan pelanggan)

- c) Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Pelanggan hendaklah membuat bayaran Ansuran Bulanan sendiri terus kepada Koperasi sekiranya potongan gaji Pelanggan tidak dapat dibuat atau jika kegagalan oleh sistem potongan gaji sehingga potongan gaji Pelanggan boleh dikuatkuasa.

5. KEMUNGKIRAN PEMBAYARAN / KEMATIAN / BERHENTI KERJA / MUFLIS

- a) Sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan Bayaran Ansuran sebagaimana Klausula 4 di atas, Koperasi berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dan menuntut jumlah baki Bayaran Ansuran dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh Perjanjian ini dengan memotong daripada Modal Yuran/Modal Saham Pelanggan dan sekiranya masih berbaki, ianya akan dituntut mengikut proses sedia ada termasuk melalui proses perundangan.
- b) Sekiranya Pelanggan meninggal dunia, baki Bayaran Ansuran akan diperoleh dari Modal Yuran / Modal Saham Pelanggan dan sekiranya masih berbaki akan ditolak dari Wang Tabung Perlindungan Pembiayaan atau lain-lain mekanisma yang diguna pakai oleh Koperasi.
- c) Sekiranya Pelanggan berhenti kerja/ditamatkan perkhidmatan/menjadi mufis atau di atas sebab-sebab lain, maka Koperasi berhak untuk mendapatkan baki Bayaran Ansuran berserta yuran guaman, duti setem atau sebarang fi/kos yang berkaitan (jika ada) dengan memotong Modal Yuran/Modal Saham Pelanggan dan sekiranya masih berbaki, ianya akan dituntut mengikut proses sedia ada termasuk melalui proses perundangan.
- d) Hak menuntut oleh Koperasi, sejajar dengan Seksyen 6 Akta Had Masa 1953, akan bermula sehari selepas surat notis penamatan Perjanjian ini dikeluarkan kepada Pelanggan dan tidak akan dikira dari tempoh sebarang tuntutan dibuat ke atas tunggakan bayaran dan/atau sebarang jumlah yang tertunggak di bawah Perjanjian ini.

6. KETERANGAN MUKTAMAD

Satu Penyata Akaun yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh mana-mana Pegawai yang diberi kuasa oleh Koperasi adalah merupakan dan dianggap sebagai satu keterangan yang muktamad dan konklusif terhadap bukti keberhutangan oleh Pelanggan dan ianya tidak boleh dipertikaikan lagi.

7. PINDAAN

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Koperasi diberi kuasa dan budi bicara untuk mengubah, menambah atau mengurangkan apa-apa syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini tertakluk kepada sebarang garis panduan atau peruntukan yang dikeluarkan oleh SKM.

8. NOTIS

- a) Semua penghantaran notis-notis tuntutan dan sebagainya hendaklah dihantar melalui Pos Biasa kepada alamat-alamat yang terkandung di dalam Perjanjian ini / Borang Permohonan Pembiayaan dan di dalam hal ini penyerahan notis tersebut adalah dianggap sebagai diterima dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengeposan.
- b) Jika dalam mana-mana prosiding Mahkamah, maka dengan ini adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa segala surat cara termasuk Writ Saman boleh diserahkan secara Pos Berdaftar kepada alamat-alamat yang ternyata di dalam Perjanjian ini / Borang Permohonan Pembiayaan.

..... (t/tangan pelanggan)

9. PENUKARAN ALAMAT

Alamat-alamat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini adalah tetap dan Pelanggan hendaklah memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari secara bertulis kepada Koperasi daripada tarikh pertukaran alamat sekiranya berlaku pertukaran berkaitan pekerjaan, alamat tempat kerja dan alamat surat menyurat. Sekiranya Pelanggan gagal untuk memberi notis penukaran alamat, Koperasi hendaklah dilepaskan daripada semua liabiliti dengan menghantar apa-apa notis ke alamat terakhir dan/atau nombor yang terdapat dalam rekod Koperasi.

10. PENINGKATAN

Perjanjian ini adalah mengikat sebagai satu perjanjian berterusan terhadap Pelanggan, Waris-warisan, dan/atau Pentadbir mereka di mana liabiliti di bawah Pejanjian ini adalah berterusan terhadap mana-mana jumlah yang ternyata di dalam Penyata Akaun yang tersebut sebelum ini.

11. PENGGUNAAN DATA PERIBADI

Pelanggan bersetuju untuk Koperasi mengumpul data peribadi Pelanggan dan digunakan/diproses antara lain bagi tujuan penyampaian notis, perkhidmatan atau produk dan pemasaran/pengiklanan produk atau perkhidmatan oleh Koperasi, subsidiari Koperasi, syarikat sekutu Koperasi, rakan kerjasama Koperasi atau mana-mana pihak ketiga yang Koperasi fikirkan sesuai dari semasa ke semasa; prosedur perkhidmatan/perhubungan pelanggan; penilaian kredit dan semakan latar belakang Pelanggan dengan pihak-pihak seperti mana yang dianggap sesuai; memenuhi keperluan undang-undang atau kawal selia berkaitan perkhidmatan atau produk; penyelidikan, penanda aras dan analisis perangkaan; dan mebolehkan Koperasi menghantar maklumat kepada Pelanggan melalui notis, panggilan telefon, SMS, E-mel, media sosial atau apa-apa cara yang munasabah dari semasa ke semasa dan Koperasi akan terus mengawal data peribadi Pelanggan dengan sewajarnya selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sepanjang tempoh bayaran, Pelanggan boleh menarik balik persetujuan dengan memberikan notis bertulis terdahulu kepada Koperasi.

12. SYARAT-SYARAT AM

- a) Pada setiap masa, Perjanjian ini adalah satu perjanjian di antara Koperasi dan Pelanggan tertakluk kepada syarat-syarat yang ternyata di sini dan dipersetujui dan diakui bahawa Jadual-Jadual kepada Perjanjian ini dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
- b) Pelanggan bersetuju membenarkan Koperasi mengakses/mengemuka/menzahirkan segala data pelanggan dari/kepada mana-mana sistem rujukan maklumat kredit untuk tujuan pembiayaan ini.
- c) Pelanggan bersetuju bahawa Koperasi dibenar menyerahkan hak atau memasuki surat ikatan penyerahan hak dengan mana-mana Institusi Kewangan tanpa memperoleh kebenaran daripada Pelanggan dan penyerahan hak ini tidak akan menjejaskan kesahihan Perjanjian ini. Dalam hal ini, sekiranya Koperasi tidak lagi mempunyai kedudukan / nilai Usaha Berterusan (Going Concern), Pelanggan beraku janji untuk memberi kuasa kepada Jabatan atau Majikan untuk membuat pembayaran ansuran melalui potongan gaji yang akan dibayar terus kepada institusi kewangan yang mana berkaitan sehinggalah baki Bayaran Ansuran dijelaskan sepenuhnya.

..... (t/tangan pelanggan)

- d) Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan masih mempunyai hutang yang tertunggak atas apa apa sebab sekalipun, Koperasi berhak menyenaraikan butiran keberhutangan berkenaan ke dalam mana-mana sistem rujukan hutang elektronik awam. Kos menyenarai dan/atau menyah-senarai di dalam sistem ini adalah tanggungan Pelanggan.
- e) Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa segala keterangan yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan dan Jadual-Jadualnya adalah benar dan Koperasi berhak untuk membatalkan Pembiayaan ini sekiranya didapati keterangan atau dokumen sokongan yang diberikan oleh Pelanggan adalah tidak benar/palsu.
- f) Segala terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini merupakan bukti konklusif terhadap hubungan kontrak di antara Pelanggan dan Koperasi dan oleh yang demikian, mana-mana perjanjian atau representasi yang dibuat secara lisan adalah dianggap tidak sah melainkan jika dipinda mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini dan kesemua terma dan syaratnya Perjanjian ini hendaklah ditaksirkan dan diputuskan oleh Undang-undang Malaysia.
- g) Sebarang kegagalan atau kelewatan melaksanakan mana-mana syarat-syarat dan hak-hak di bawah Perjanjian ini tidak akan merupakan satu pengabaian syarat-syarat dan hak-hak tersebut oleh pihak Koperasi.
- h) Dengan ini Pelanggan mengesahkan bahawa terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini sudah dibaca dan difahamkan segala isi kandungannya.

DITANDATANGANI DI SINI OLEH KEDUA-DUA BELAH PIHAK

Tandatangan Pelanggan	Tandatangan b/p Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad
Nama : No. KP :	Nama : No. KP : Cop Rasmi/Jawatan
Saksi Pelanggan (Terdiri dari Anggota Lembaga/Pegawai SPRM Atau Lebih Tinggi)	Saksi Koperasi (Pegawai Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia)
Tandatangan Saksi Pelanggan	Tandatangan Saksi Koperasi
Nama : No. KP : Tarikh :	Nama : No. KP : Tarikh :